

Pendekatan Nabawi dalam Pengurusan Psikologi dan Sosial Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU)

[The Prophetic Method in Psychological and Social Care Management for Persons with Disabilities]

Saufi Haji Abdullah¹, Siti Nuroni Mohamed² & Nurul Aarifah Musa³

¹ (Corresponding Author) Fakulti Usuluddin dan al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, E-mail: saufihajiabdullah@gmail.com

² Fakulti Usuluddin dan al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, E-mail: nuroni.mohamed@gmail.com

³ Fakulti Usuluddin dan al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, E-mail: aarifah@kias.edu.my

ABSTRACT

*This study aims to examine the psychological and social dimensions in Prophet Muhammad's SAW approach toward people with disabilities (PWD) and identify Prophetic guidance that can strengthen their mental well-being and social integration. The main issue underlying this study is the psychological distress, such as depression and anxiety, as well as social isolation frequently experienced by individuals with special needs due to societal stigma. This research employs a qualitative descriptive design by applying inductive analytical approach to primary sources, including the Qur'anic texts and authentic hadith from reputable works such as *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* and *Ṣaḥīḥ Muslim*. The study results demonstrate that the Sunnah (practices and teachings) of Prophet Muhammad (SAW) preceded modern psychology in the aspect of mental health care for PWD through a combination of principles of compassion, respect, and social empowerment. The study concludes that the Prophetic psychological model is holistic and has preceded modern psychological theories in mental health care through a combination of compassion and social empowerment.*

Keywords: Sunnah of the Prophet; Islamic Psychology; People with Disabilities (PWD); Social Empathy; Mental Well-being.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dimensi psikologi dan sosial dalam pendekatan Nabi Muhammad SAW terhadap golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) serta mengenal pasti panduan *Nabawiyyah* yang dapat memperkukuh kesejahteraan mental dan integrasi sosial mereka. Isu utama yang melatarbelakangi kajian ini adalah tekanan psikologi, seperti kemurungan dan kebimbangan, serta pengasingan sosial yang sering dialami oleh individu berkeperluan khas akibat stigma masyarakat. Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif dengan menerapkan pendekatan analisis induktif terhadap sumber primer, termasuk teks al-Quran dan hadis-hadis sahih daripada karya muktabar seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Hasil kajian menunjukkan bahawa sunnah Nabi SAW telah mendahului teori psikologi moden dalam aspek penjagaan kesihatan mental golongan OKU, melalui kombinasi prinsip kasih sayang, penghormatan, dan pemerksaan sosial. Kajian merumuskan bahawa model psikologi Nabawi adalah holistik dan telah mendahului teori psikologi moden dalam aspek penjagaan kesihatan mental melalui kombinasi kasih sayang dan pemerksaan sosial.

Kata Kunci: Sunnah Nabi; Psikologi Islam; Orang kelainan Upaya (OKU); Empati sosial, Kesejahteraan mental

Received: 15-12-2025
Accepted: 21-12-2025
Published: 23-12-2025

How to Cite:

Saufi Haji Abdulla, S., Mohamed, S. N., & Musa, N. A. (2025). Pendekatan Nabawi dalam pengurusan psikologi dan sosial golongan orang kelainan upaya (OKU). *FURQANICA Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JFUQS)*, 1(1), 68–76.

1. Pengenalan

Isu golongan kurang upaya bukan sahaja melibatkan aspek fizikal tetapi juga tekanan psikologi dan sosial. Terdapat banyak kajian dan penulisan yang menyatakan individu berkeperluan khas mengalami kemurungan dan kebimbangan yang lebih tinggi akibat internalisasi stigma sosial, mengurangkan harga diri, perasaan ketidakcukupan, serta pengasingan sosial yang menghalang sokongan emosi, menyebabkan kesunyian dan keputusan. (Le & Venkatesan: 2025, Eraman, 2021).

Pelbagai kajian psikologi moden dijalankan bagi mencari penyelesaian masalah kemurungan ini. Sebahagian kajian menghasilkan pelbagai teori penyelesaian kemurungan di kalangan individu berkeperluan khas, termasuk Teori Kognitif Tingkah Laku (CBT), Terapi Penerimaan dan Komitmen (ACT), serta Terapi Pengaktifan Tingkah Laku. Antaranya kajian intervensi teori oleh Mannarini, S., et al. (2024) dan Le & Bui (2025).

Sebelum wujudnya pendekatan psikologi moden, Nabi Muhammad SAW telah menzahirkan model psikologi holistik melalui sunnah. Sunnah banyak menekankan prinsip utama yang membentuk asas kepada pemeliharaan kesejahteraan mental dan integrasi sosial dalam masyarakat Islam. Perkara ini turut diteliti oleh Firdaus, D., & Murtadho, A. (2025) yang menganalisis hadith Nabi SAW sebagai model kaunseling humanistik holistik yang mengintegrasikan empati, pemberdayaan diri dan sokongan sosial untuk memulihkan martabat insan, mengurangkan rasa kemanusiaan, membina ketahanan mental melalui rahmah dan tanggungjawab peribadi.

Abdullah (2013) membincangkan psikoterapi Islam berasaskan sunnah Nabi SAW sebagai pendekatan holistik untuk pemurnian jiwa, keseimbangan mental-rohani, dan pembentukan akhlak mulia yang memartabatkan insan, termasuk integrasi sosial melalui nilai-nilai rahmah dan empati. Walaupun sudah banyak penyelidikan berkaitan teori intervensi psikologi untuk membantu kemurungan, masih kurang penelitian yang menfokuskan kepada peranan sunah sebagai elemen psikoterapi dalam menangani masalah pengurusan emosi dalam kalangan golongan orang kelainan upaya OKU.

2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memahami secara lebih mendalam asas-asas psikologi yang dapat diambil daripada interaksi Nabi SAW dengan golongan kurang upaya, khususnya dalam konteks pemeliharaan martabat, emosi, dan kesejahteraan mereka. Melalui penelitian terhadap hadis, sirah dan nas-nas berkaitan, kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti prinsip-prinsip psikologi yang terserlah dalam pendekatan Nabi SAW, termasuk aspek empati, komunikasi berlapik hikmah, serta pengukuhan harga diri yang diberikan kepada golongan tersebut. Pendekatan ini penting bagi memastikan gambaran yang tepat dan berasaskan sumber primer dapat dijadikan landasan bagi memahami kehalusan psikologi dalam bimbingan nabawiyyah.

Selain itu, kajian ini berusaha menjelaskan secara sistematik wasiat dan pedoman Nabi SAW yang berkaitan dengan kesejahteraan mental golongan kurang upaya, serta menilai kesesuaian pedoman tersebut dalam konteks psikologi kontemporari dan amalan sosial semasa. Analisis perbandingan ini bertujuan melihat sejauh mana prinsip-prinsip nabawiyyah tersebut

berpotensi diaplikasikan dalam intervensi psikologi moden, khususnya dari segi keserasian nilai, keberkesanan pendekatan, dan implikasi terhadap penyediaan sokongan sosial yang lebih inklusif. Dengan itu, objektif-objektif ini diharmonikan untuk menyediakan asas ilmiah bagi pengembangan model atau garis panduan intervensi berteraskan nilai Islam dalam penjagaan kesejahteraan mental golongan kurang upaya.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan deskriptif bagi menghuraikan secara mendalam prinsip dan nilai psikologi yang tersirat dalam interaksi Nabi SAW dengan golongan orang kurang upaya (OKU). Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneliti fenomena dalam konteks asal teks dan memahami makna yang terbina melalui naratif hadis secara lebih teliti. Sumber data utama terdiri daripada himpunan hadis sahih yang terkandung dalam karya-karya muktabar seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Musnad Aḥmad*, dan *Sunan al-Bayhaqi*. Hadis-hadis ini dipilih berdasarkan kriteria kesahihan, relevan dengan topik interaksi Nabi SAW dengan golongan OKU serta kandungan yang mempunyai potensi implikasi terhadap aspek psikologi, sosial dan pendidikan.

Proses analisis data dilaksanakan menggunakan pendekatan induktif (المنهج الاستقرائي), iaitu dengan meneliti teks secara berulang, mengenal pasti corak dan tema, serta membina kategori makna yang muncul daripada data tanpa prasangka awal. Kaedah analisis tematik kemudiannya diterapkan untuk mengorganisasi dapatan berdasarkan tema-tema utama seperti empati, penghormatan martabat insan, strategi komunikasi nabawiyyah, sokongan emosi, dan prinsip kesejahteraan mental. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menyingkap mesej-mesej tersirat yang berkaitan dengan pembentukan intervensi psikologi dan sosial menurut perspektif Islam. Keseluruhan proses analisis dilakukan secara sistematik bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan interpretasi melalui rujukan silang terhadap teks hadis serta pandangan ulama' syarah hadis yang berautoriti.

4. Hasil dan Perbincangan

4.1. Konsep Umum Sunnah dalam Interaksi Psikologi

Sunnah Nabi SAW menekankan nilai manusia berdasarkan taqwa dan amal soleh, bukan kekuatan fizikal. Sunnah menolak diskriminasi, sunnah menggalakkan umah untuk membina harga diri dan menggalakkan integrasi sosial. Firman Allah Taala:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُمْ (الحجرات: 13)

Terjemahan: Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa. (Surah al Hujarat: 13)

4.2. Wasiat Nabawi dalam Pengurusan Psikologi Golongan OKU

4.2.1. Jasa dan Penghargaan Diri

Baginda SAW menzahirkan sensitiviti psikologi melalui kata-kata positif:

انْطَلِقُوا بِنَا إِلَى الْبَصِيرِ الَّذِي فِي بَيْتِي وَاقِفِ نَعُودُهُ. قَالَ : وَكَانَ رَجُلًا أَعْمَى

Maksudnya: “Marilah kita pergi menziarahi al-Basir (seorang lelaki yang buta) daripada Bani Waqif.”

[Ṣunan al-Baihaqi, no. hadith: 20889; Dinilai isnadnya ṣaḥīḥ oleh al-Albānī]

Dengan menamakan lelaki buta itu sebagai al-Basir yang bermaksud “yang celik” atau “yang melihat dengan hati/akal,” Nabi SAW menolak label negatif yang boleh menimbulkan rasa rendah diri. Gelaran ini menekankan kemampuan dan kualiti dalaman individu, bukan kekurangan fizikalnya. Prinsip ini sejajar dengan konsep psikologi moden tentang *positive labeling*, iaitu memberi penekanan kepada aspek positif diri untuk memperkuatkan keyakinan dan motivasi. Cara Nabi SAW menamakan al-Basir menjadi contoh teladan kepada sahabat dan masyarakat tentang cara menghormati dan berinteraksi dengan golongan kurang upaya. Ini membantu menanamkan budaya sosial yang inklusif, di mana setiap individu dihargai berdasarkan kebaikan dan kemampuan mereka, bukan kekurangan fizikal. Nabi SAW pernah berkata tentang ‘Amr bin al-Jamuh RA, sebagai penghormatan dan pemuliaan kepadanya:

وكان أعرج، وقد قال له النبي صلى الله عليه وسلم ذات يوم: "كأني أنظر إليك تمشي برجلك هذه صحيحة في الجنة

Maksud: Beliau seorang yang tempang. Pada suatu hari, Nabi ﷺ berkata kepadanya: “Seolah-olah aku melihatmu berjalan dengan kakimu ini yang akan menjadi sempurna di syurga”.

[Musnad Ahmad, no. hadith: 22553; Dinilai Hasan oleh Syu’aib al-Arnout]

Ucapan dan tindakan Nabi SAW terhadap ‘Amr bin al-Jamuh r.a mencerminkan pendekatan psikologi holistik yang menggabungkan penghormatan, motivasi, empati dan pendidikan sosial. Ia memberikan model praktikal untuk menangani golongan kurang upaya dengan penuh kasih sayang, penghargaan dan pemerksaan sosial, selari dengan prinsip psikologi positif moden.

4.2.2. Larangan Ejekan

Dalam masyarakat Jahiliyah, golongan kurang upaya sering menjadi bahan ejekan, gurauan, dan hiburan. Keadaan ini menyebabkan mereka berasa terpinggir antara api pengasingan dan api ejekan lalu menjadikan masyarakat seolah-olah “tanah asing” yang penuh penindasan dan perpecahan bagi mereka. Nabi SAW menentang sikap tersebut dengan menegaskan larangan mengejek sesiapa terutama golongan yang diuji atau kurang upaya sebagaimana sabda Nabi SAW:

لَا تُظْهِرِ الشَّمَاتَةَ لِأَخِيكَ فَيَرْحَمَهُ اللَّهُ وَيَبْتَلِيكَ

Maksudnya: “Janganlah engkau menzahirkan perasaan gembira atau puas hati terhadap musibah yang menimpa saudaramu, supaya Allah merahmatinya dan mengujimu.”

[Şunan al-Tirmizi, no. hadith: 2506; Dinilai Hasan Gharib oleh al-Tirmizi]

Allah Taala juga menegaskan larangan ejekan dan penghinaan melalui firman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرَّ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللُّغَابِ بِسْمِ الْأَسْمِ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (الحجرات

(11 :

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesebuah kaum mengejek kaum yang lain, boleh jadi mereka lebih baik daripada mereka; dan jangan wanita mengejek wanita lain, boleh jadi mereka lebih baik daripada mereka; janganlah kamu saling mencela, jangan saling menamakan dengan gelaran yang buruk; seburuk-buruk nama ialah kefasikan setelah beriman. Barangsiapa tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang zalim.”

Nabi SAW juga menekankan pentingnya menghormati manusia dan menjauhi sikap memandang rendah:

الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَعَمَطُ النَّاسِ

Maksudnya: “Kesombongan ialah menolak kebenaran dan merendahkan orang lain”
[Sahih Muslim, no. hadith: 91]

Nabi SAW telah memberi amaran yang sangat keras terhadap menyesatkan orang buta dari jalannya atau menyakiti mereka dengan sikap masam dan ejekan.

مَلْعُونٌ مَنْ كَمَهُ أَعْمَى عَنْ طَرِيقِ

Maksudnya: “Terlaknatlah orang yang menghalang orang buta daripada jalan yang benar.”
[Musnad Ahmad, no. hadith: 1875, Dinilai isnad hasan oleh Syua’ib al-Arnout]

Dalam contoh lain ketika sahabat mentertawakan kaki Abdullah bin Mas ‘ud RA:

مَا يَضْحَكُكُمْ؟ لِرَجُلٍ عَبْدِ اللَّهِ فِي الْمِيزَانِ أَثْقَلَ مِنْ أَحَدٍ

Maksudnya: “Apa yang membuat kamu ketawa? Demi Allah, betis Abdullah lebih berat daripada Gunung Uhud.”

[Mu’jam al-Tabarani, no. hadith: 8516, Dinilai isnad hasan oleh Syua’ib al-Arnout]

Kesimpulannya, golongan kurang upaya bukan bahan hiburan atau ejekan, tetapi mereka adalah saudara, ibu bapa, atau anak yang diuji Allah SWT agar menjadi pengajaran dan saksi kebesaran-Nya. Islam menekankan empati, penghormatan, dan kesejahteraan mental mereka, sejajar dengan prinsip sosial dan psikologi yang inklusif.

4.2.3. Janji Ganjaran Akhirat

Nabi SAW menekankan bahawa kesabaran menghadapi musibah tidak hanya dihargai di dunia, tetapi juga diberi ganjaran yang besar di akhirat, sebagaimana Baginda bersabda:

إِذَا ابْتَلَيْتُ عَبْدِي بِحَبِيبَتَيْهِ فَصَبَرَ، عَوَّضْتُهُ مِنْهُمَا الْجَنَّةَ

Maksudnya: “Apabila Aku menguji hamba-Ku dengan kehilangan kedua matanya lalu dia bersabar, maka Aku gantikan baginya syurga.”

[Sahih Bukhari, no. hadith: 5329]

Pendekatan ini menunjukkan bahawa dukungan spiritual dan janji ganjaran akhirat menjadi mekanisme psikologi yang menguatkan ketahanan mental dan membentuk sikap reda terhadap ujian atau kekurangan fizikal.

4.2.4. Ziarah dan Rawatan Sosial

Nabi SAW menziarahi sahabat dan OKU untuk mengurangkan tekanan sosial dan memperkuat rasa diterima dalam komuniti, contohnya kunjungan ke rumah ‘Itban bin Malik RA. ‘Itban bin Malik r.a. seorang lelaki buta daripada kalangan Ansar berkata kepada Nabi SAW:

وَدِدْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْك تَأْتِيَنِي فَتَصِلِي فِي بَيْتِي فَأَتَّخِذَهُ مَصَلِي. فَوَعَدَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَزِيَارَةِ وَصَلَاةٍ فِي بَيْتِهِ

قَائِلًا - فِي تَوَاضُعِ جَم -: " سَأَفْعَلُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ.. "

Maksudnya: "Wahai Rasulullah, aku berharap Engkau datang ke rumahku dan bersolat di dalamnya, supaya aku jadikan rumahku sebagai tempat solat." Maka Nabi SAW menjanjikan untuk berkunjung dan bersolat di rumahnya dengan berkata dalam kerendahan hati: "InsyaAllah, aku akan melakukannya."

[Sahih Bukhari, no. hadith: 5329]

Oleh itu, ziarah dan sokongan sosial kepada golongan kurang upaya menguatkan rasa diterima, mengurangkan tekanan psikologi dan meningkatkan kesejahteraan emosi sebagaimana dicontohi oleh Nabi SAW dalam kunjungannya ke rumah 'Itban bin Malik r.a.

4.2.5. Pemberian Keuzuran dan Fleksibiliti

Sebahagian daripada pendekatan nabawi dalam pengurusan psikologi dan sosial golongan Orang kelainan Upaya ialah mempermudah mereka dalam banyak hukum syarak dan mengangkat kesusahan dari mereka. Mereka tidak diwajibkan memikul senjata atau keluar berperang, kecuali jika secara sukarela.

Contohnya Rasulullah SAW berkata kepada seorang lelaki yang cacat (al-a'raj):

"Engkau telah dimaafkan oleh Allah" bermaksud Rasulullah membolehkan beliau tidak keluar berperang.

Beliau juga berkata kepada anak-anak Amr bin al-Jamuh:

"Jangan menghalangnya; mungkin Allah akan memberinya syahid" bermaksud Rasulullah memberi kelonggaran tetapi tetap membuka peluang bagi pahala jika mereka mahu berjuang secara sukarela. (Riwayat: Al-Bayhaqi)

Daripada Zaid bin Thabit r.a., bahawa Rasulullah SAW menulis untuknya:

"لا يستوي القاعدون من المؤمنين والمجاهدون في سبيل الله". قال: فجاءه ابن أم مكتوم وهو يملها "علي" رضي الله عنه (لتدوينها)، فقال: يا رسول الله، لو أستطيع الجهاد لجاهدت، وكان رجلاً أعمى، قال زيد بن ثابت: فأَنْزَلَ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عَلَى رَسُولِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَفَخَذَهُ عَلَى فَخْذِي، فَثَقَلْتُ عَلَيَّ حَتَّى خِفْتُ أَنْ تَرْضَ فَخْذِي [مَنْ ثَقَلَ الْوَحْيَ]، ثُمَّ سُرِّي عَنْهُ، فَأَنْزَلَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ: [عَيَّرُ أَوْلِي الضَّرْرِ] [23].

وقال تعالى -مخففاً عن ذوي الاحتياجات الخاصة-: {لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَنْ يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَاباً أَلِيماً} [الفتح: 17]

Terjemahan: "Tidak sama antara orang yang duduk (tidak berperang kerana uzur) daripada kalangan mukmin dengan orang yang berjihad di jalan Allah."

Kemudian datang Ibn Umm Maktum r.a., seorang lelaki buta, untuk menulis wahyu itu bagi Zaid, sambil berkata: "Wahai Rasulullah, seandainya aku mampu berjihad, nescaya aku akan berjihad." Zaid bin Thabit berkata: Nabi SAW memegang pangkal peha Zaid dengan pangkal peha baginda sendiri semasa wahyu diturunkan, sehingga terasa berat dan baginda bimbang pehanya Zaid tidak mampu menanggungnya. Kemudian Allah menurunkan ayat:

“[Kecuali bagi orang yang tidak berupaya/tersiksa]” (عَنْزُرُ أُولِي الضَّرَرِ) memudahkan dan memberi kelonggaran bagi mereka yang uzur atau kurang upaya.
[Sahih Bukhari, no. hadith: 2832]

Mempermudahkan golongan kurang upaya dalam melaksanakan tuntutan agama, mengangkat kesusahan dan tekanan yang mungkin mereka alami. Dengan memberi kelonggaran seperti dalam jihad, golongan OKU merasa dihargai, diterima, dan tidak terbeban, yang secara psikologi meningkatkan kesejahteraan emosi, keyakinan diri, dan rasa aman dalam komuniti. Sikap empati dan keadilan Allah melalui Nabi SAW memberi contoh bahawa perhatian terhadap keperluan khusus mampu mengurangkan stres dan meningkatkan kesihatan mental golongan ini.

4.2.6. Pemaafan dan Toleransi

Sikap Nabi SAW terhadap orang lain sentiasa penuh kelembutan, pengampunan dan kasih sayang, walaupun mereka melakukan kesalahan terhadap baginda. Baginda mengutamakan kelembutan dan pengajaran berdasarkan keadaan mereka sebagai contoh teladan akhlak mulia yang patut diteladani.

Contohnya, ketika tentera melalui ladang seorang lelaki buta di Uhud, lelaki itu menghina Nabi SAW dan memeranginya. Dia mengambil segenggam tanah dan berkata kepada Nabi SAW:

"Demi Allah, seandainya aku tahu tidak akan terkena orang lain selain Engkau, nescaya aku lemparkan ini kepadamu."

Melihat itu, para sahabat Nabi SAW berhasrat untuk membunuh lelaki tersebut, tetapi Nabi SAW menolak dan berkata: "Biarkan dia."

Hadis ini menunjukkan sifat sabar dan toleransi dalam berinteraksi sosial bersama masyarakat.

4.2.7. Pemeriksaan Sosial

Kesamarataan dan penglibatan golongan kurang upaya (OKU) dalam masyarakat. Mereka tidak dilihat sebagai beban, tetapi diberi peluang untuk menyumbang mengikut kemampuan masing-masing. Contohnya Ibn Umm Maktum r.a., seorang lelaki buta, dilantik sebagai muadzin Rasulullah SAW dan pernah diberi tanggungjawab menguruskan urusan di Madinah sebanyak tiga belas kali, selain pernah dilantik oleh Umar r.a. Penglibatan OKU dalam masyarakat menguatkan keyakinan diri, rasa dihargai, dan kesejahteraan psikologi, sambil menunjukkan bahawa kemampuan dan kesungguhan lebih penting daripada kekurangan fizikal. Islam mendorong masyarakat memberi peluang yang adil kepada semua individu, termasuk golongan kurang upaya, untuk berperanan aktif. Ibn Umm Maktum iaitu seorang yang buta, dilantik sebagai muazzin dan pemangku pentadbiran sebanyak tiga belas kali, menunjukkan dasar kesamarataan dan pemberdayaan.

4.2.8. Menghapuskan Pengasingan (رفع العزلة)

Islam menolak amalan pengasingan golongan kurang upaya (OKU) yang diamalkan dalam masyarakat Jahiliyah dan menegaskan prinsip kesetaraan, keadilan, dan rahmat terhadap mereka. Ayat Allah dalam Surah al-Nur (61) menafikan sebarang aib atau halangan sosial bagi OKU untuk berinteraksi dan menjalani kehidupan normal, termasuk hak bersosial dan berkahwin. Pendekatan ini menunjukkan bahawa kemuliaan manusia di sisi Allah diukur melalui ketakwaan, bukan keadaan fizikal, serta memberikan sokongan psikologi dan sosial

dengan menghapuskan stigma, meningkatkan harga diri, dan memperkuat integrasi mereka dalam masyarakat.

Firman Allah SWT:

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى أَنْفُسِكُمْ أَنْ تَأْكُلُوا مِنْ بُيُوتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ آبَائِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أُمَّهَاتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ إِخْوَانِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَخْوَانِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَعْمَامِكُمْ أَوْ بُيُوتِ عَمَّاتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ إِخْوَاتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ خَالَاتِكُمْ أَوْ مَا مَلَكَتُمْ أَيْمَانُهُمْ أَوْ صَدِيقِكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَأْكُلُوا جَمِيعًا أَوْ أَشْتَاتًا فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبْرَكَةً طَيِّبَةً كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Terjemahan: Tidak ada salahnya bagi orang buta, dan tidak ada salahnya bagi orang tempang, dan tidak ada salahnya bagi orang sakit (jika masing-masing tidak menjalankan sesuatu perintah disebabkan keuzurannya menghendaki ia berlaku demikian), dan juga tidak ada salah bagi kamu (termasuk orang-orang yang tersebut turut sama) makan di rumah kamu sendiri, atau di rumah bapa kamu, atau di rumah ibu kamu, atau di rumah saudara kamu yang lelaki, atau di rumah saudara kamu yang perempuan, atau di rumah bapa saudara kamu (sebelah bapa), atau di rumah emak saudara kamu (sebelah bapa), atau di rumah bapa saudara kamu (sebelah ibu), atau di rumah emak saudara kamu (sebelah ibu), atau di rumah yang kamu kuasai kuncinya, atau di rumah sahabat kamu; tidak juga menjadi salah bagi kamu, makan bersama-sama atau berasing-asing. Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) kamu dengan memohon kepada Allah cara hidup yang berkat lagi baik. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat (yang menjelaskan hukum-hukumNya), supaya kamu memahaminya. (Al Nur: 61)

Ayat ini menegaskan bahawa golongan kurang upaya (OKU) tidak boleh diasingkan daripada kehidupan sosial. Islam membenarkan mereka berinteraksi, makan bersama dan hidup bermasyarakat seperti individu lain. Ini menunjukkan prinsip inklusif dan kehormatan insan dalam Islam, bahawa keuzuran fizikal bukan alasan untuk menolak penyertaan sosial atau meminggirkan mereka daripada komuniti.

4.2.9. Menunaikan Hajat

Nabi Muhammad SAW menunjukkan contoh terbaik dalam menghormati dan melayani mereka dengan penuh kasih sayang dan perhatian, tanpa merendahkan martabat mereka. Diriwayatkan daripada Anas RA katanya: “Seorang wanita yang kurang waras akalnya datang kepada Rasulullah SAW lalu berkata: ‘Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku ada hajat kepadamu.’ Maka Baginda SAW bersabda:

يا أم فلان! انظري أي السكك شئت حتى أقضي لك حاجتك

Terjemahan: Wahai Ummu Fulan, pilihlah mana-mana jalan yang engkau mahu, aku akan pergi bersamamu sehingga aku selesaikan hajatmu.’ Lalu Baginda SAW pergi bersamanya di salah satu jalan hingga wanita itu selesai dengan hajatnya.”

[Sahih Muslim, no. hadith: 2326]

Hadis ini menunjukkan kepedulian, kesediaan melayani dan kerendahan hati dalam interaksi sosial.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, sunnah Nabi Muhammad SAW memperlihatkan suatu model psikologi yang holistik dan berpusatkan nilai kemanusiaan bagi golongan OKU, berteraskan kasih sayang, penghormatan terhadap maruah insan, kesabaran, serta pemeraksanaan sosial. Pendekatan nabawiyyah ini bukan sahaja menonjolkan kepekaan terhadap keperluan emosi dan psikologi golongan tersebut, tetapi turut menekankan sokongan sosial yang konstruktif serta peluang penyertaan yang setara dalam komuniti.

Sehubungan itu, masyarakat Islam sewajarnya mengadaptasi prinsip-prinsip ini dalam sektor pendidikan, dasar kebajikan dan amalan integrasi sosial, agar lahir ekosistem yang benar-benar inklusif dan berperikemanusiaan. Penghayatan terhadap panduan nabawiyyah ini berpotensi memperkukuh budaya penyayang, mengurangkan stigma, serta membentuk persekitaran yang menyokong kesejahteraan mental dan sosial golongan OKU dalam konteks masyarakat moden.

Rujukan

- Al-Bukhari, M. I. (n.d.). *Al-Jami' al-Sahih*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad ibn Hanbal. (n.d.). *Al-Musnad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bayhaqi, A. I. (n.d.). *Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-Asqalani. (2000). *Fath al-Bari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Qardawi, Y. (2000). *Madkhal li Dirasat al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Cairo: Dar al-Fikr al- Mu'asir.
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Badri, M. (1996). *The Dilemma of Muslim Psychologists*. Herndon: IIIT.
- Al-Nabulsi, M. R. (2010). *Al-Janib al-Insani fi al-Sirah al-Nabawiyyah*. Damascus: Dar al- Qalam.
- Le, C. M., & Bui, D. N. (2025). Mental Health challenges among individuals with disabilities and their caregivers: A cross-sectional study in Vietnam. *Multidisciplinary Science Journal*, 7, e2025496. <https://malque.pub/ojs/index.php/msj/article/download/8878/3418>
- Eraman, S. N. F., et al. (2021). Research on Social Support and Mental Health amongst Police Officers. *Sains Humanika*, 13(2-2), 1–8.
- S Venkatesan. (2025). A systematic review of loneliness among people with disabilities. (2025). *World Journal of Advanced Research and Reviews*.
- Mannarini, S., et al. (2024). Depression in persons with disabilities: a scoping review. *Frontiers in Public Health*, 12, 1383078. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2024.1383078>.
- Firdaus, D., & Murtadho, A. (2025). Mental Strengthening in Humanistic Counseling Based on Hadith. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(8), 506-516. <https://rsisinternational.org/journals/ijriss/articles/mental-strengthening-in-humanistic-counseling-based-on-hadith/>.
- Abdullah, C. H. (2013). Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui Psikologi Islam. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 199-213. <http://journalarticle.ukm.my/6578/1/makalah12.pdf>.